



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
(Department of Skills Development)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, MALAYSIA
(Ministry of Human Resources, Malaysia)
ARAS 7-8, BLOK D4, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Telefon : 03-8886 5000
Faks : 03-8888 0989
Email : jpk@mohr.gov.my
Website : www.dsd.gov.my

Ruj. Kami : JPK 1/2/4/2 Jld 12 (61)

Tarikh : 12 November 2021

PENGURUS PUSAT BERTAULIAH JPK

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Ts./Tuan/Puan,

PERMOHONAN DATA AKTIF DAN TERKINI PELAJAR WARGANEGARA MALAYSIA DI INSTITUSI LATIHAN DAN PENGAJIAN DI BAWAH SELIAAN JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA BAGI TUJUAN PELAKSANAAN BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) TAHUN 2022

Segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Program Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) merupakan bantuan tunai Kerajaan yang lebih bersasar kepada golongan yang memerlukan. Dalam memastikan sumber maklumat pemohon adalah terkini dan tepat, setiap permohonan diterima daripada pemohon akan dipadankan dengan data agensi Kerajaan bagi penentuan kelayakan setiap permohonan.

3. Untuk makluman, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang merupakan agensi dilantik oleh Kerajaan bagi memproses permohonan BKM 2022 memerlukan data aktif dan terkini pelajar warganegara Malaysia yang berada di institusi latihan dan pengajian di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Justeru, mohon kerjasama Pusat Bertauliah untuk mengisi maklumat yang diperlukan di MySPIKE selewat-lewatnya pada **13 Disember 2021 (Isnin)**. Panduan pengisian adalah seperti di **Lampiran**.

4. Kerjasama dan perhatian dari pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Ts./Tuan/Puan adalah dihargai dan didahului ucapan terima kasih. Sebarang maklumat lanjut berkenaan perkara ini boleh diajukan kepada pegawai berikut iaitu

**Permohonan Data Aktif dan Terkini Pelajar Warganegara Malaysia di
Pusat Bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran , KSM
Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) Tahun 2022**

Panduan Pengisian

1. Pengisian adalah melalui laman web : <https://www.myspike.my>
2. Maklumat boleh diisi oleh pengguna MySPIKE yang mempunyai peranan **Pengurus Pusat Bertauliah atau Penyelaras Pusat Bertauliah** sahaja.
3. Langkah-langkah pengisian adalah seperti berikut:
 - i. Daftar Masuk laman web MySPIKE;
 - ii. "Menu utama" > "SLaPB";
 - iii. "Dashboard Pentauliahan SlaPB" > "Pusat Bertauliah" > "BKM2022 – Maklumat Penjaga Pelatih";
 - iv. "Senarai Daftar Batch" > "Senarai Pelatih Batch" > "Kemaskini Maklumat Penjaga" > "Tambah Maklumat Penjaga" > isikan setiap maklumat dan klik "Simpan".
 - v. Ulang langkah v dan vi, untuk pelatih yang lain.
 - vi. Sekian.

Nota makluman

- Tarikh akhir pengumpulan data untuk serahan kepada LHDN adalah pada 30 November 2022 (Selasa)
- Senarai Daftar Batch yang dipaparkan hanya batch yang mempunyai tarikh tamat lebih dari 30 November 2021.